

**Malaysia Mampu Main Peranan Penting Dalam Pengimbangan Semula Strategik Washington
Bernama
3 Ogos, 2012
Oleh Manik Mehta**

NEW YORK, 3 Ogos (Bernama) -- Susulan kepada kunjungan beberapa ahli politik dan pegawai pertahanan Amerika ke rantau Asia Pasifik, kenyataan Timbalan Setiausaha Pertahanan Amerika Ashton B. Carter baru-baru ini mengesahkan lagi minat negara ini untuk mengekalkan, apa yang disifatkan oleh pakar di sini sebagai "kehadiran strategik" di rantau itu secara bersekutu atau berganding bahu dengan penggiat tempatan.

Selepas menamatkan kunjungan ke Hawaii, Guam, Jepun, Korea Selatan, Thailand dan India, Carter, dalam kenyataannya di Asia Society di sini pada Rabu, menggariskan langkah yang akan diambil untuk melaksanakan pengimbangan semula strategik Amerika di Asia.

Ini termasuk pelarasan terhadap struktur ketenteraan dan postur ketenteraan, pelaburan dalam kemampuan baru serta inisiatif untuk mengeratkan lagi hubungan pertahanan di rantau berkenaan di mana Malaysia boleh memainkan peranan utama dalam percaturan Amerika mengenai kehadirannya di Asia.

Kunjungan Carter berlangsung selepas Setiausaha Pertahanan Leon Panetta melakukan lawatan ke Asia untuk bertukar pendapat 'secara berguna dan produktif' dengan rakan sejawatannya Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi pada 2 Jun ketika menghadiri Dialog Shangri-La di Singapura.

Pentadbiran Amerika memuji peranan anggota pasukan perubatan Angkatan Tentera Malaysia di Afghanistan dan menurut Panetta, Amerika dan Malaysia berhasrat memperkukuh kerjasama dalam bidang ketenteraan, termasuk memperluas latihan pelbagai hala.

Carter menyifatkan kunjungannya ke Asia sebagai usaha "untuk memastikan pasukan tentera kami dan rakan kami faham bahawa kami bukan sekadar bercakap, tetapi mengotakan apa yang dikata".

Jelas sekali, ini merupakan jaminan secara tidak langsung kepada pihak tertentu di Asia yang bersikap was-was tentang minat atau pendirian Amerika di rantau tersebut berikutan sikap agresif China yang semakin menjadi-jadi.

Langkah Amerika untuk mewujudkan keseimbangan itu dijangka terlaksana apabila segala sumber dibebaskan daripada sekatan setelah Amerika berundur dari Afghanistan.

"Kami dapati kami berada pada titik lengkok balas strategik dalam pertahanan nasional Amerika. Selepas satu dekad mengharungi konflik, satu peperangan berakhir di Iraq. Bagaimanapun, satu lagi peperangan iaitu di Afghanistan, belum berakhir, tapi akan memasuki fasa peralihan tidak lama lagi," kata Carter.

"Tapi, ketika kita memerangi kebangkitan pemberontak dan keganasan, dunia tidak berdiam diri. Kawan dan musuh kami juga tidak berpeluk tubuh. Teknologi juga berubah," katanya.

"Masanya sudah tiba bagi kami di Amerika untuk bertanya dan mencari apa yang menjadi keperluan dunia selepas ini - mengenai cabaran keselamatan yang akan menentukan masa depan kami selepas perkembangan yang berlaku di Iraq dan Afghanistan," katanya.

Mengulas saranan agar kerajaan bersikap tegas dalam menghadapi tekanan supaya belanjawan pertahanan diberi potongan besar, Carter berkata belanjawan pertahanan Amerika tidak akan dikurangkan atau ditambah, seperti yang dirancang sebelum ini.

Katanya untuk mengekalkan keseimbangan antara keperluan strategik dan tanggungjawab fiskal, jabatan berkenaan merangka strategi pertahanan baharu bagi abad ke-21.

"Kami sedang membina satu kuasa untuk masa depan dan seperti yang dikatakan Setiausaha Panetta, ia bersifat tangkas, mantap, bersiap sedia, maju daripada segi teknologi serta mampu melancarkan operasi berspektrum penuh dan dapat menumpaskan sebarang musuh pada bila-bila masa dan di mana saja," katanya.

Carter juga menyentuh tentang "perdagangan bebas dan terbuka". Beliau berkata order antarabangsa yang adil ialah yang memberi penekanan terhadap hak serta tanggungjawab semua negara serta menjunjung tinggi kedaulatan undang-undang, memberi akses terbuka kepada semua pihak untuk berkongsi kawasan laut, udara, angkasa dan kini ruang siber, dan berpegang pada prinsip menyelesaikan sesuatu konflik tanpa menggunakan kuasa tentera.

"Pengimbangan semula ini tidak berkisar tentang negara atau kumpulan negara tertentu saja. Ia bukan mengenai China atau Amerika. Ia mengenai rantau Asia Pasifik yang aman, di mana negara berdaulat boleh menikmati keadaan selamat serta terus mengecapi kemakmuran," katanya.

Carter berkata pengimbangan semula itu akan terpamer dalam keputusan yang dibuat mengenai struktur kuasa iaitu apa yang perlu dikekalkan dan dipotong. Ia juga akan terpamer dalam pelaburan baru berkaitan teknologi dan sistem persenjataan; dalam pelan dan taktik operasi inovatif; dalam postur dan kehadiran; dan dalam menjalin ikatan serta gandingan di rantau berkenaan.

Katanya perkara itu mampu dicapai walaupun "dalam lingkungan belanjawan yang kecil". Sumber yang akan dibebaskan berikutan pengunduran Amerika dari Iraq dan kemudian, dari Afghanistan, boleh disalurkan ke rantau Asia-Pasifik.

Carter berkata Panetta membayangkan bahawa 60 peratus daripada aset tentera laut Amerika akan ditempatkan di Pasifik menjelang 2020 dan Amerika akan meningkatkan ikatan serta gandingannya dengan penggiat di rantau itu.

"Kami sedang bekerjasama dengan Jepun dan Korea Selatan dalam bidang teknologi pertahanan peluru berpandu. Kami turut menggunakan alat pengesan Jepun dalam rangkaian pengawasan kami dan bekerjasama dengan Australia berkaitan ruang angkasa.

"Kami sedang memperluas akses dan kehadiran di seluruh rantau itu. Selain mengerahkan Kapal Perang Laut secara bergilir, di Singapura, kami meneroka kemungkinan untuk meningkatkan latihan.

"Dengan Filipina, kami meneroka kemungkinan melakukan pengerahan ketenteraan secara bergilir di kawasan penting. Kami memberi tumpuan untuk meningkatkan kehadiran dan kemampuan pasukan keselamatan maritim Filipina serta meningkatkan kesedaran mereka tentang domain maritim," katanya.

Malaysia boleh memainkan peranan penting dalam rancangan Amerika untuk memperkukuh kehadirannya di rantau berkenaan.

Sebelum Panetta mengadakan rundingan dengan Menteri Pertahanan Malaysia di Singapura, pada November 2010, bekas Setiausaha Pertahanan Robert M. Gates mengadakan perjumpaan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan Ahmad Zahid di Kuala Lumpur untuk menjalin hubungan kerjasama ketenteraan lebih erat antara kedua-dua negara.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=685493>

